



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
MALAYSIA (*MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRY*
MALAYSIA)
WISMA TANI
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8870 1373

Telefax : 03-8888 6906

E-mail : pro@moa.gov.my

Homepage : <http://www.moa.gov.my>

KENYATAAN MEDIA MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

COVID-19: BEKALAN MAKANAN NEGARA STABIL DAN TERKAWAL

- Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan berkenaan status bekalan makanan di Malaysia sebagai langkah persediaan bagi menangani kesan penularan wabak COVID-19.
- Buat masa ini, status bekalan barangan makanan di Malaysia berada di tahap yang stabil dan terkawal. Kedudukan stok beras di peringkat kilang, borong dan runcit masih berada pada tahap konsisten iaitu purata 400,000 - 500,000 tan metrik setiap bulan berbanding dengan keperluan bulanan negara iaitu sebanyak 200,000 tan metrik. Kementerian sentiasa memantau kedudukan stok bekalan beras secara berkala melalui pemegang-pemegang lesen kilang, borong dan runcit beras.
- Pengeluaran serta bekalan daging dan telur ayam yang kebanyakannya dihasilkan secara tempatan di Malaysia adalah mencukupi untuk menampung permintaan domestik. Secara purata, pengeluaran ayam adalah antara 57 sehingga 59 juta ekor sebulan berbanding penggunaan dalam negara yang dicatatkan antara 43 sehingga 45 juta ekor sebulan. Manakala pengeluaran telur sebulan adalah sebanyak 800 juta biji berbanding penggunaan yang dicatatkan pada sekitar 620 sehingga 630 juta biji sebulan.
- Selain daripada itu, pengeluaran bahan keperluan makanan lain terutamanya ikan bagi suku tahun pertama 2020 tidak mengalami perubahan ketara. Pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan juga tidak menunjukkan kesan yang ketara kepada bekalan buat masa ini.

- Manakala, bekalan daging lembu dan kerbau sebanyak 18,000 tan metrik termasuk bekalan daging sejuk beku yang diimport dari negara luar seperti Australia dan India dianggarkan mencukupi untuk keperluan semasa.
- Kementerian juga akan terus memantau dan memaklumkan kepada orang ramai daripada semasa ke semasa sekiranya berlaku sebarang perkembangan akibat Perintah Kawalan Pergerakan di dalam atau luar negara yang mampu menjejaskan rantaian bekalan makanan sedia ada.
- Walaupun bekalan makanan seperti ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan untuk kegunaan tempatan adalah mencukupi, namun begitu jumlah eksport ke negara luar seperti Singapura dan China menunjukkan tren penurunan akibat penularan wabak COVID-19. Dalam keadaan ini pihak Kementerian akan terus memantau perkara ini bagi memastikan golongan petani, nelayan dan penternak tidak terjejas.
- Justeru, Kementerian ingin menasihati orang ramai supaya tidak membuat *panic-buying* dan *stock-piling* bahan makanan secara berlebihan yang boleh mengakibatkan keadaan di mana terdapat ketidaksamarataan daripada segi akses bekalan makanan kepada orang ramai.
- Kementerian ini akan terus bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta kementerian-kementerian yang lain dalam memastikan bekalan makanan terus berada dalam tahap yang stabil dan terkawal sepanjang tempoh sekatan.

DATUK SERI DR RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
17 MAC 2020

#####